

19 MAR 1997

Kabinet-Singapura

KABINET TERIMA MAAF LEE TETAPI PERLUKAN MASA PULIH HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kerajaan Malaysia hari ini menerima permintaan maaf oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dan tindakannya menarik ungkapan yang menghina Johor tetapi menegaskan bahawa pemulihan hubungan kedua-dua negara ke tahap sebelum ini akan memakan masa.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan menerima kenyataan mohon maaf tulus ikhlas oleh Lee dan memandang secara positif niat beliau untuk menarik perenggan-perenggan yang menyinggung tersebut.

"Walau bagaimanapun, adalah perlu diakui bahawa episod ini telah benar-benar menyinggung perasaan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat dan pemulihan semula hubungan kepada tahap perhubungan yang dahulu akan mengambil masa," kata Abdullah dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan petang ini.

Beliau berkata kerajaan Malaysia telah mengambil maklum bahawa Lee telah menandatangani sendiri satu kenyataan akhbar bertarikh 17 Mac 1997 dan telah mengulangi permintaan maaf sepenuhnya.

Bekas Perdana Menteri Singapura itu juga telah menyatakan bahawa peguamnya telah diarah untuk mendapatkan kebenaran mahkamah supaya perenggan-perenggan yang menyinggung tersebut digugurkan daripada afidavitnya yang dikemukakan kepada mahkamah di republik itu dalam saman malunya terhadap seorang tokoh pembangkang Singapura Tang Liang Hong.

Dalam afidavitnya pada 27 Jan lepas, Lee telah menyatakan antara lain bahawa Johor terkenal dengan "tembak-menembak, samun dan rampas kereta" dan beliau hairan kenapa Tang, yang mendakwa kononnya nyawanya (Tang) diancam di Singapura memilih untuk berlindung di Johor.

Kenyataan Lee itu telah menimbulkan kemarahan pemimpin dan rakyat Malaysia menyebabkan beliau memohon maaf pada 13 Mac lepas tetapi itu dianggap tidak memadai selagi beliau tidak mengeluarkan kenyataannya itu daripada afidavitnya.

Lee dan anaknya, Lee Hsien Loong, yang juga Timbalan Perdana Menteri, merupakan plaintif dalam saman terhadap Tang itu.

Afidavit itu telah diedar oleh Tang di Johor Baharu pada Selasa lepas.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan Lee itu akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet hari ini.

Ini merupakan kali kedua Lee menimbulkan kemarahan kerajaan Malaysia. Pada Jun tahun lepas, ketika beliau mencadangkan kemungkinan kedua-dua negara bercantum semula, Lee berkata Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi. -- BERNAMA

TM MAI